



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA  
MAJLIS IHYA' RAMADAN  
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT :  
BERKAT BERJASA, BERKAT RAMADAN KAREEM 1446H**

**TARIKH:  
24 MAC 2025 (ISNIN) | 5.00 PETANG**

**TEMPAT:  
DEWAN PERDANA NUR**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**

**Salam Sejahtera,**

**Salam Malaysia MADANI,**

**Terima kasih kepada pengacara majlis**

**[SALUTASI DISEDIAKAN)**

## **(A) KATA ALU-ALUAN**

1. Alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya kita dapat berkumpul pada petang yang penuh barakah ini untuk meraikan **Majlis Ihya Ramadhan JKM, Berkat Berjasa, Berkat Ramadan Kareem 1446H.**
2. Terlebih dahulu, Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada **Yayasan Sime Darby, 99 Speed Mart, Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)** dan **semua pertubuhan sukarela kebajikan** yang hadir bersama-sama kita pada hari ini.

3. Sesungguhnya majlis ini didedikasikan kepada semua yang hadir sebagai tanda terima kasih atas pengorbanan, sumbangan dan komitmen yang tidak berbelah bagi dalam memberi khidmat penjagaan, perlindungan dan pemulihan kepada kumpulan sasar Kementerian.

**(B) OBJEKTIF MAJLIS IHYA RAMADAN**

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

4. Majlis ini diadakan bertujuan untuk mengukuhkan lagi hubungan antara agensi kerajaan, pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan kumpulan sasar jabatan di samping menyemai semangat keprihatinan dan kasih sayang dalam kalangan masyarakat. Majlis ini juga dianjurkan sejajar dengan elemen Kesejahteraan, Hormat dan Insan dalam fokus Malaysia MADANI yang mana kerajaan, swasta dan NGO bergabung tenaga menjayakan fokus ini bagi pembentukan masyarakat penyayang.

## **(C) KEBAJIKAN TANGGUNG JAWAB BERSAMA**

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

### **Bantuan Kewangan Kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK)**

5. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat memberi bantuan kewangan kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang memberikan perkhidmatan penjagaan, perlindungan dan pemulihan kepada kumpulan sasar JKM seperti Warga Emas, Orang Kurang Upaya dan Kanak-kanak. NGO yang yang

dikenali sebagai **Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK)** ini merupakan rakan strategik penting dalam menyediakan **khidmat sokongan**.

6. Selain bantuan kewangan kerajaan, saya percaya PSK juga mendapat sokongan dan dokongan daripada sektor korporat, swasta dan komuniti setempat dalam melancarkan operasi perkhidmatan mereka. Kolaborasi antara kerajaan dan swasta ini pastinya akan dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan penjagaan kepada kumpulan sasar kementerian.

## **Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)**

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

7. Selain berkolaborasi dengan pihak PSK, Jabatan Kebajikan Masyarakat turut melaksanakan program **Pemulihan Dalam Komuniti** iaitu satu kaedah dalam pembangunan komuniti untuk golongan OKU menjalani pemulihan dalam keluarga dan masyarakat sendiri.

8. PDK merupakan satu pendekatan dalam membantu OKU untuk mencapai taraf hidup yang lebih selesa. Sehingga **Januari 2025, seramai 19,907 OKU telah mendapat manfaat daripada 573 buah PDK di seluruh negara**. Pelaksanaan program ini disokong dengan **penglibatan seramai 573 orang Penyelia dan 2,747 orang Petugas PDK** yang memastikan program pemulihan atau rehabilitasi dapat dilaksanakan dengan teratur dan berpandukan modul dan pendekatan yang bersesuaian.

## **Program Kerjasama Strategik**

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

9. JKM juga telah memperkenalkan **konsep pemberdayaan komuniti (*community empowerment*)**. Melalui pendekatan ini, setiap ahli anggota masyarakat digerakkan supaya dapat memainkan peranan aktif di peringkat lokaliti masing-masing. Ahli masyarakat inilah yang akan memainkan peranan dalam usaha mengenal pasti dan seterusnya membantu mereka yang memerlukan bantuan dan sokongan sosial.

10. Melalui sinergi multi-sektoral ini, semua lapisan masyarakat memainkan peranan untuk **memberi sokongan sosial kepada golongan yang memerlukan bagi menangani isu yang dihadapi, memperkasa komuniti dan seterusnya membela kebijakan dan kesejahteraan masyarakat dengan konsep “Kebajikan Tanggungjawab Bersama”**. Gabungan kerjasama kerajaan, swasta dan NGO pastinya akan dapat memberi impak yang baik kepada semua golongan yang memerlukan pembelaan dan seterusnya kesejahteraan masyarakat dapat dipertingkatkan.

## **(D) PENUTUP**

11. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, terima kasih saya ucapkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang telah menjayakan majlis ini. Sekalung penghargaan juga saya hulurkan kepada Yayasan Sime Darby dan 99 Speedmart atas sumbangan yang dihulurkan. Akhir kata, marilah kita sama-sama berdoa agar kita semua diberkati dengan kesihatan yang baik, keimanan yang kuat dan diberi peluang untuk terus berkhidmat kepada masyarakat.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah  
Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI**  
**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat**  
**24 Mac 2025**